

# Pemanah wanita sapu bersih acara compound

**S**KUAD 'Robin Hood' negara menepati ramalan bermula cemerlang apabila gagah mendominasi podium di lapangan memanah Kompleks Sukan Nasional Vientiane acara compound wanita AUG, semalam.

Tiga pemanah kebangsaan, Saritha Cham Nong, Norhayati Al Madihah Hashim dan Fatin Nurfatehah Mat Salleh meraih pingat emas, perak dan gangsa sekali gus membuatkan lawan akur dengan kehebatan Malaysia.

Saritha dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat 140 mata menundukkan rakan se-negara, Norhayati dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) (131) di final.

Terdahulu, Fatin yang juga dari UiTM pula tidak kurang hebat mencatat 144 menewaskan peserta Laos, Bupha Thana, untuk mengutip gangsa.

"Saya agak gementar dan tidak 100 peratus yakin dapat menewaskan Norhayati tapi sedikit pengalaman bertemu dengannya pada saingan peringkat universiti sebelum ini banyak membantu.

"Prestasi saya yang konsisten sejak awal saingan turut menjadi faktor kemenangan hari ini," kata Saritha, atlet keturunan Siam yang berasal dari Kedah.



**KONGSI KEGEMBIRAAN...**(dari kiri) Norhayati, Saritha dan Fatin Nurfatehah memperagakan pingat dimenangi, semalam.

Lantaran itu, pemenang perak acara berpasukan Kejohanan Asia di Iran tahun lalu itu turut berharap kemenangan semalam mampu menaikkan lagi semangatnya mengutip pingat sama menerusi acara berpasukan hari ini.

Sementara itu, Mohd Firdaus Isa

mengutip emas kedua buat Malaysia dalam acara compound individu lelaki manakala Mohd Kaharudin Ashah, gangsa.

Ezryn Meza Mohamed Mirza turut memenangi gangsa acara recurve individu wanita selepas menewaskan peserta Indonesia, Erwina Safitri.